

**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**LPT LANCAR KEMPEN KESELAMATAN LEBUH RAYA BERTEMAKAN  
#PASANGSOKMO DAN #MOHSINGGAH**

**BENTONG, 21 Januari 2020** – ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Pantai Timur (LPT) bagi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (Lebuhraya KL-Karak) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) hari ini melancarkan Kempen Keselamatan Lebuhraya bertemakan *hashtag #PasangSokmo* dan *#MohSinggah*.

**#PasangSokmo** dan **#MohSinggah** ini diperkenalkan untuk mengajak pengguna Lebuhraya KL-Karak dan LPT 1 membudayakan amalan untuk sentiasa memakai tali pinggang keselamatan ketika memandu selain berhenti rehat seketika di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) atau di Hentian Rehat Sebelah di sepanjang LPT sebelum meneruskan semula perjalanan.

Kempen ini juga adalah hasil sinergi Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan untuk meningkatkan lagi kesedaran pengguna tentang aspek keselamatan serta keperluan untuk berhenti rehat selepas dua jam memandu. Semua ini bertujuan untuk mengurangkan lagi kes kemalangan maut di lebuhraya akibat faktor keletihan dan tidak memakai tali pinggang keselamatan.

Menerusi kempen berkenaan, syarikat menggunakan pendekatan Info Grafik dengan memaparkan poster berkaitan mesej keselamatan dengan *hashtag #PasangSokmo* dan *#MohSinggah* di laman sosial rasmi LPT iaitu menerusi laman Twitter di **@LPTTrafik** dan Facebook di alamat **Lebuhraya Pantai Timur**.

Langkah ini secara tidak langsung akan memudahkan *followers* media sosial LPT berkongsi atau menularkan mesej keselamatan berkenaan di laman media sosial kepada *followers* mereka yang lain.

“Sebagai pengendali lebuh raya, kami menyedari kepentingan peranan kami dalam mendidik pengguna mengenai keselamatan selain memastikan lebuh raya kami sentiasa selamat untuk dilalui. Tetapi, kemalangan masih berlaku kerana faktor-faktor lain, khususnya berkaitan dengan sikap pemandu sendiri,” kata Dato’ Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein.

“Oleh itu, menerusi penerapan kempen ini, diharapkan ia dapat membantu meningkatkan lagi kesedaran keselamatan di kalangan pemandu dan sekali gus mengurangkan risiko kemalangan maut di lebuh raya,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Kempen Keselamatan LPT dan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina bersama 45 orang golongan yang tidak berkemampuan dari komuniti Bentong, hari ini.

Hadir sama, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia; Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia; Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia; Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Hassan, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia' dan Encik Mohd Nasri Bin Ishak, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Malaysia.

Sementara itu, Dato’ Nik Fauzi berkata, pihaknya menjangkakan kira-kira 250,000 kenderaan bakal menggunakan Lebuhraya KL-Karak dan LPT 1 sehari sempena cuti sambutan Tahun Baru Cina ini berbanding 156,000 kenderaan sehari pada hari biasa.

“Jumlah trafik ke negeri-negeri di pantai timur dijangka mengalami peningkatan bermula dari 23 hingga 25 Januari 2020. Manakala kesesakan trafik menghala ke barat pula dijangka berlaku mulai 27 hingga 29 Januari 2020,” jelas Dato’ Nik Fauzi.

Katanya, peningkatan jumlah kenderaan harian itu menunjukkan kesesakan aliran trafik akan berlaku, namun pihaknya menasihatkan orang ramai mematuhi Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) yang dikeluarkan ANIH Berhad untuk membantu melancarkan perjalanan mereka.

TTA dikeluarkan bagi membantu pengguna merujuk kepada waktu perjalanan yang sesuai sebelum turun ke lebuh raya. Ianya juga bertujuan untuk mengawal jumlah pergerakan trafik dan dilihat sebagai antara pendekatan terbaik membantu mengelakkan kenderaan bertembung pada satu masa yang sama di plaza tol, khususnya di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak hingga boleh menyebabkan kesesakan.

-Tamat-

### **Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my](mailto:fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my)
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[farizal.hajat@mtdgroup.com.my](mailto:farizal.hajat@mtdgroup.com.my)
3. Sofia Roseli, Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[sofia.roseli@mtdgroup.com.my](mailto:sofia.roseli@mtdgroup.com.my)

### **Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:**

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan**

**Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111    Fax : 03-6187 5055    Website : [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my)